

29/03/1998

Usah politikkan isu Kampung Rawa

li

JELI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak yang terbabit dalam ketegangan di Kampung Rawa, Pulau Pinang, supaya menyelesaikan isu itu di meja perundingan bagi memelihara imej negara.

Perdana Menteri juga mengingatkan DAP dan Pas supaya tidak menjadikannya sebagai isu politik.

"Apa yang berlaku amat mendukacitakan. Sebenarnya, perkara ini boleh diselesaikan melalui rundingan," katanya kepada pemberita selepas majlis pemimpin bersama rakyat dan perasmian mesyuarat perwakilan Umno bahagian Jeli, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ketegangan yang berlaku berhampiran Masjid Kampung Rawa, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga memberi amaran keras terhadap mana-mana pihak yang mengambil kesempatan menyebarkan hasutan dan semangat perkauman di negara ini.

Ditanya mengenai pembabitan pihak luar dalam isu itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan masih menyiasat dakwaan itu.

"Setakat ini, saya tidak menerima sebarang maklumat. Jadi saya tidak tahu sama ada benar atau tidak tuduhan ini," katanya.

Ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Gerik di Dewan Bandaran Gerik, pula Dr Mahathir berkata kejadian di Pulau Pinang itu tidak merebak atau berjangkit ke tempat lain di negara ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kejadian itu hanya berlaku setempat dan ini menunjukkan keharmonian kaum dan keamanan di negara ini terus terpelihara serta menjadi kebanggaan semua.

Malah, kata Dr Mahathir, banyak pihak luar sering menanyakan rahsia kejayaan mengekalkan keharmonian kaum dan mengelak rusuhan.

Sambil mengingatkan rakyat pengajaran tragedi 13 Mei 1969 yang membabitkan rusuhan kaum di Kuala Lumpur, beliau berkata, kerajaan dapat menamatkan rusuhan itu dalam masa pendek serta hubungan baik pelbagai kaum pulih semula dalam masa singkat.

"Negara kita menjadi aman selepas 1969 dan kita dapat bangun negara sehingga menjadi negara membangun yang jauh lebih cepat pembangunannya dari negara membangun lain," katanya.

Sementara itu, Anwar ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Permatang Pauh di Bukit Mertajam, berkata kerajaan mahu pembinaan rumah ibadat dilakukan mengikut peraturan dan tidak mengikut perasaan tanpa mengambil kira sensitiviti kaum lain.

Sambil meminta insiden Kampung Rawa dijadikan iktibar, beliau berkata, kerajaan bertanggungjawab mempertahankan kebebasan beragama di negara ini dan tidak akan membenarkan mana-mana pihak menggunakan undang-undang rimba untuk menyelesaikan pertikaian.

"Kita ada hukum-hakam dan undang-undang sendiri untuk menyelesaikan masalah, kerajaan tidak akan tolak ansur penggunaan undang-undang rimba bagi mengatasi pertikaian," katanya.

(END)